

# GNC GLUCOSAMINE 750 CHONDROITIN 600 TABLET

Glucosamine/ Chondroitin (750mg/600mg)

## Apa yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*
2. Bagaimana *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*
4. Cara menggunakan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*
5. Semasa menggunakan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*

Digunakan sebagai terapi tambahan untuk penyakit sendi degeneratif yang disebabkan oleh kehilangan rawan pada sendi.

## Bagaimana *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600* berfungsi

Ia mungkin memainkan peranan dalam memperbaiki struktur dan fungsi tulang rawan dalam sendi badan. Glucosamine /Chondroitin juga mempunyai ciri-ciri anti-inflamasi.

## Sebelum menggunakan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*

**-Bila tidak boleh menggunakan**  
Tidak boleh digunakan jika anda hipersensitif kepada Glucosamine atau jika anda alah kepada kerang-kerangan. Kanak-kanak, wanita hamil dan ibu yang menyusu harus mengelakkan dari menggunakan Glucosamine kerana tidak ada data keselamatan

yang mencukupi. Jika anda hamil atau menyusu dan perlu menggunakan Glucosamine, gunakan hanya di bawah pengawasan doktor.

### -Sebelum menggunakan GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600

Sila maklumkan doktor anda jika mempunyai sebarang masalah kesihatan.

**-Jika mengambil ubat-ubat lain**  
Glucosamine dapat meningkatkan rintangan insulin dan boleh mengakibatkan masalah toleransi glukosa. Jika anda mempunyai kencing manis, doktor anda mungkin perlu menyesuaikan dos ubat yang diambil untuk mengawal glukosa dalam darah. Tidak ada interaksi yang diketahui terhadap ubatan lain, makanan tambahan, makanan atau herba .

## Cara menggunakan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*

**-Berapa banyak harus digunakan**  
Dewasa, ambil satu hingga dua tablet satu kali sehari.

**-Bila perlu digunakan**  
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

**-Berapa lama perlu digunakan**  
Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### **-Jika lupa menggunakan**

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu

untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengambil ubat ini terlalu banyak. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

## Semasa menggunakan *GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600*

### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda mempunyai kencing manis jenis 2 dan mempunyai masalah toleransi glukosa, anda harus sentiasa memantau dengan teliti tahap glukosa dalam darah anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan penggunaan semasa tiga bulan pertama kehamilan.

## Kesan-kesan sampingan

**Kardiovaskular:**  
Pengumpulan cecair yang menyebabkan Bengkak pada kaki dan denyutan jantung yang cepat .

**Sistem saraf pusat :**  
Rasa mengantuk, sakit kepala dan tidak dapat tidur jarang berlaku (kurang daripada 1%).

---

**Gastrousus :**  
Mual, muntah, cirit-birit, senak atau sakit di bahagian atas perut, sembelit, pedih ulu hati dan hilang selera makan jarang berlaku.

**Kulit :**  
Reaksi kulit seperti kemerahan dan gatal-gatal telah dilaporkan .

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui no Tel:03-78835549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Pengilang:**  
Nutra Manufacturing, Inc.  
1050, Woodruff Road,  
Greenville, South Carolina  
29607, USA.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**  
ONI Global (Malaysia) Sdn Bhd  
(544633-X), No. 8, Jalan 6/91,  
Taman Shamelin Perkasa, Batu 3  
½ , Jalan Cheras 56100 Kuala Lumpur.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**  
25/07/2018

**Nombor Siri:**  
NPRA(R4/1)060718/00186

### **Cara Penyimpanan dan pelupusan GNC Glucosamine 750 Chondroitin 600**

#### **-Penyimpanan**

Simpan di tempat yang kering bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

#### **-Pelupusan**

Ubat-ubatan ini tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **-Rupa dan warna produk**

Tablet berwarna merah jambu berbentuk kapsul.

#### **-Bahan-bahan kandungan**

-Bahan Aktif  
Glucosamine Hydrochloride  
750mg  
Chondroitin Sulfate 600mg  
-Bahan tidak aktif: Silicon Dioxide, Magnesium Stearate, Microcrystalline Cellulose, Crospovidone, Red Beet Root.

#### **-Nombor MAL**

MAL07101324X